

**PNB TERUS PUPUK TABIAT MENABUNG DALAM  
KALANGAN BELIA**  
***12,739 Remaja Sertai Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja***

**Port Dickson, Negeri Sembilan, 31 Disember 2024:** – SMK Bandar Baru Serting dari Negeri Sembilan muncul juara Kuiz Pelaburan PNB baru-baru ini bagi Kategori Remaja, mengatasi empat sekolah finalis yang merupakan sebahagian daripada 300 sekolah Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB). Sebagai juara kuiz kebangsaan, SMK Bandar Baru Serting membawa pulang hadiah berupa unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) bernilai RM3,600.

Empat sekolah lain yang bertanding dalam pusingan akhir ialah SMK Rosli Dhoby, Sarawak (naib johan), SMK Tengku Sarafudin Badlishah, Kedah (tempat ketiga), SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur (tempat keempat) dan SMK Dato' Ahmad Maher, Kelantan (tempat kelima).

Kuiz ini menawarkan hadiah dalam bentuk unit ASB atau mana-mana unit amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Jumlah keseluruhan hadiah untuk pertandingan ini adalah RM11,700, di mana naib johan menerima unit bernilai RM3,000 dan pemenang tempat ketiga dianugerahkan unit bernilai RM2,100. Dua hadiah saguhati turut diberikan kepada finalis, masing-masing bernilai RM1,500.

Kuiz Pelaburan PNB bertujuan untuk memupuk literasi kewangan dan kesedaran pelaburan dalam kalangan pelajar muda. Dilancarkan pada tahun 2001, Kategori Remaja pada awalnya terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Namun, mulai tahun 2023,

penyertaan ditetapkan kepada sekolah-sekolah yang berdaftar dalam program KPBPBN. Tahun ini, Kuiz Pelaburan PNB menerima 12,739 penyertaan, menjadikan jumlah keseluruhan penyertaan sejak ia dilancarkan sebanyak 448,353.

Antara pelajar yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini termasuk Muhammad Nur Iman dari SMK Bandar Baru Serting, Negeri Sembilan yang menjuarai pertandingan ini. Beliau menyatakan, "Sebagai ahli Kelab Pelaburan Bijak PNB, saya telah mempelajari ilmu asas pelaburan, dan melalui pertandingan Kuiz ini, saya serta rakan-rakan berpeluang untuk menguji pengetahuan yang kami peroleh."

Sementara itu, pelajar dari SMK Dato Ahmad Maher, Kelantan, yang menduduki tempat kelima, Firas Safiyya Mohd Zarir, turut meluahkan rasa penghargaan dengan berkata, "Terima kasih guru-guru dan PNB, kini saya lebih memahami kepentingan merancang kewangan sejak usia muda."

Fadzihan Abbas bin Mohamed Ramlee, Ketua Pegawai Eksekutif ASNB, menekankan "PNB kekal teguh dalam mencapai Matlamatnya, untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Program KPBPBN bertujuan untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan pengetahuan kewangan yang kukuh, termasuk perancangan kewangan dan pelaburan, dari seawal usia yang mungkin, bermula dari zaman persekolahan mereka. Perancangan kewangan adalah asas penting untuk mencapai kestabilan ekonomi dan kejayaan."

PNB menyeru para pelajar untuk memulakan pelaburan lebih awal, terus meningkat dan mengekalkan simpanan bagi menikmati manfaat jangka panjang iaitu kuasa pengkompaunan.

"ASNB menyediakan aksesibiliti untuk semua rakyat Malaysia memulakan pelaburan serendah RM10. Aspek paling penting bagi kami ialah memupuk

tabiat kewangan yang positif, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Konsistensi dalam pelaburan adalah kunci untuk membina kekayaan jangka panjang, dan dengan pengkompaunan dividen, nilai pelaburan akan terus berkembang dari masa ke masa,” tambah Fadzihan Abbas.

-Tamat-

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampunan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layar [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

### **Mengenai KPBPNB**

Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) ditubuhkan pada tahun 2000 dengan kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Inisiatif ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar sekolah menengah kepada pengurusan kewangan dan pengetahuan pelaburan sejak usia muda. Menjelang tahun 2023, KPBPNB telah berkembang melibatkan 155 sekolah di seluruh negara, menawarkan pelbagai aktiviti pendidikan. Pembiayaan tahunan untuk program ini disediakan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), memastikan sokongan berterusan bagi pembangunan literasi kewangan dalam kalangan golongan muda Malaysia.

Pada April 2024, ASNB dan KPM telah meluluskan peluasan program KPBPNB ke 2,000 sekolah di seluruh negara menjelang 2028. Ini menandakan komitmen yang signifikan terhadap inisiatif jangka panjang PNB dalam mempromosikan literasi kewangan, selaras dengan Matlamat PNB iaitu untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Permohonan untuk sekolah menengah di bawah KPM untuk menjadi ahli KPBPNB dibuka sehingga 2028. Sekolah-sekolah boleh memohon melalui <https://forms.office.com/r/8n9Wn14H9W>.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**